

# **LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA KERJA KELAB KAKITANGAN AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN (KAKEP) TAHUN 2007**

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Saya bagi pihak Jawatankuasa Kerja KAKEP dengan sukacitanya ingin membentangkan Laporan Tahunan KAKEP bagi Tahun 2007 untuk semakan dan kelulusan Mesyuarat.
- 1.2 Pada keseluruhannya kesemua perancangan aktiviti tahun 2007 dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kecuali beberapa aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh masalah yang tidak dapat dielakkan. Tahun 2007 KAKEP dapat melaksanakan banyak aktiviti-aktiviti.
- 1.3 Jika dilihat kepada aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2007, adalah didapati semua Jawatan Kuasa Kecil dapat melaksanakan aktiviti. Dari segi penyertaan dari ahli-ahli dalam aktiviti, Jawatan Kecil Sukan yang paling banyak menerima penyertaan.

## **2. PENGURUSAN KAKEP**

- 2.1 Pengurusan KAKEP yang diketuai oleh Presiden Y.Bhg Datoq Abu Bakar bin Haji Abdullah bersama-sama seramai 16 orang Ahli Jawatankuasa Kerja telah merancang dan melaksanakan segala aktiviti KAKEP bagi tahun 2007. Semua Jawatankuasa Kecil telah merancang dan melaksanakan aktiviti masing-masing dengan dibantu oleh JK Kecil Urus Setia dan JK Kecil Ekonomi dan Kewangan dalam setiap penganjuran aktiviti dan tanggungjawab ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.
- 2.2 Hari Keluarga KAKEP telah dapat dilaksanakan pada 24 September 2007 setelah 4 tahun KAKEP tidak dapat melaksanakannya. Acara tersebut telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan. Seramai 701 orang ahli telah menghadirinya.
- 2.3 Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 24 Disember 2007 di Auditorium Wisma Pertahanan. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 ini tidak diadakan pemilihan Ahli Jawatan Kuasa.
- 2.4 Sepanjang tahun 2007, Jawatan Kuasa Kerja telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali. Walaupun mesyuarat diperingkat Jawatan Kuasa Kerja tidak dapat dibuat dengan begitu kerap tetapi aktiviti-aktiviti KAKEP dapat juga dilaksanakan dengan lancar dan jayanya.

### 3. AKTIVITI KAKEP

#### 3.1 JK Kecil Kebajikan

- a. Sumbangan Kematian dan Masuk Hospital. Seramai 109 ahli telah menerima sumbangan berjumlah RM 11,050.00. Senarai penerima adalah seperti di **Lampiran A**.
- b. Sumbangan persaraan . Seramai 71 orang ahli yang bersara wajib dan 14 orang yang bersara pilihan telah menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM 8,500.00 sempena persaraan wajib/pilihan. Senarai di **Lampiran B**.
- c. Bantuan persekolahan kepada anak-anak ahli KAKEP kemasukan sekolah Tahun 2008 telah diadakan pada 15 Januari 2008 di Auditorium Wisma Pertahanan. Seramai 65 anak-anak ahli yang berpendapatan rendah telah menerima sumbangan tersebut berjumlah RM 5,200.00. Senarai nama anak-anak ahli seperti di **Lampiran C**.

#### 3.2 JK Kecil Agama

- a. Majlis Meraikan Jemaah Haji bagi Tahun 2007 H/1428 M telah diadakan di Bilik Kenanga, Tingkat 5, Wisma Pertahanan pada 5 Mac 2007. Seramai 18 orang jemaah haji yang terdiri dari ahli KAKEP telah diraikan oleh Presiden KAKEP dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.
- b. Program Pemantapan Sempena Ramadan telah di Auditorium Wisma Pertahanan pada 4 April 2007. Program ini dianjurkan bersama dengan PUSPANITA. Sebanyak 2 ceramah telah diadakan iaitu ceramah bertajuk Ramadan Menjana Modal Insanqoleh YBhg DatoqHaji Mohd Najmi bin Haji Ahmad, Bekas Pengarah KAGAT dan Puasa-Amalan dan Keberkesananqoleh Ustazah Zawiah bt Haji Hasan dari JAKIM. Seramai 300 orang telah menghadiri program tersebut.
- c. Bazar Ramadan telah di adakan di Kafetaria Wisma Pertahanan sepanjang bulan Ramadan. Sebanyak 33 gerai telah disediakan untuk Warga Wisma Pertahanan membeli belah bagi berbuka puasa dan persiapan hari raya .
- d. Tazkirah di Surau Al-Hidayah Wisma Pertahanan pada setiap hari sepanjang bulan Ramadan. Penceramah dari Jabatan arah KAGAT.
- e. Pengagihan bubur lambuk diadakan dua kali seminggu pada Bulan Ramadan iaitu pada hari Selasa dan Khamis.

### 3.3 JK Kecil Pendidikan

a. Kursus Sehari Confectionary

Seramai 25 orang ahli KAKEP telah menghadiri Kursus tersebut yang diadakan di Azza Culinary Academy pada 23 Jun 2007 dan dikendalikan oleh Chef Liza yang merupakan chef jempunan MARA dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

b. Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Pendidikan KAKEP 2007

Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Pendidikan Anak-Anak ahli KAKEP bagi Pelajar PMR dan SPM telah diadakan pada 24 Ogos 2007 di Auditorium Wisma Pertahanan. Seramai 54 orang penerima anugerah Hadiah Kecemerlangan Pendidikan KAKEP tersebut.

Penerima-penerima seperti berikut:

i. 27 pelajar PMR menerima sebanyak RM 120.00 seorang.

ii. 27 pelajar SPM menerima sebanyak RM150.00 seorang.

c. Bengkel Motivasi Ke arah Kecemerlangan Diri

Bengkel Motivasi Ke arah Kecemerlangan Diri bagi pelajar PMR dan SPM diadakan pada 24 Ogos 2007 di Auditorium Wisma Pertahanan iaitu selepas sahaja selesai Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Pendidikan. Seramai 117 orang anak-anak ahli telah menghadiri program tersebut. Penceramah Bengkel tersebut ialah Dr. Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad seorang Fasilitator MAP Training. Bengkel tersebut diadakan mulai jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.

d. Bengkel Jahitan Sulaman Manik

Bengkel Jahitan dan Sulaman Manik telah diadakan pada 11, 18 dan 25 Mei 2007. Seramai 109 ahli telah menyertainya.

### **3.4 JK Kecil Rekreasi dan Ekspedisi**

- a. Program *Treasure Hunt* telah diadakan pada 16 hingga 17 Jun 2007 dari Wisma Pertahanan ke Kuantan, Pahang. Seramai 188 peserta dan 15 orang urus setia telah menyertainya dengan jumlah kereta sebanyak 47 buah. Peserta-peserta telah dilepaskan oleh YBhg Datoq Haji Ahmad Latffi bin Hashim, KSU merangkap Presiden KAKEP di Hadapan Balai Pengawal Wisma Pertahanan ke mulai jam 8.30 pagi. Semua peserta selamat sampai jam 4.00 petang di Hotel Sri Malaysia, Kuantan, Pahang. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada sebelah malam di Hotel Sri Malaysia. Hadiah pertama ialah wang tunai sebanyak RM 1,000.00 beserta tiket penerbangan ke Bandung untuk 4 orang. Kedua RM 800.00 beserta tiket penerbangan ke Kota Kinabalu untuk 4 orang ketiga wang tunai RM 600.00 beserta tiket penerbangan ke Langkawi keempat penginapan 4 malam di Hotel Sri Malaysia Kuala Terengganu kelima penginapan di Hotel Sri Malaysia Kuantan keenam penginapan di Helang Resort, Terengganu untuk 4 orang, manakala tempat ke-7 hingga 47 di berikan hamper. Hadiah-hadiah disampaikan oleh Datoq Abu Bakar bin Haji Abdullah TKSU(P). Semua peserta dihiburkan dengan persembahan kebudayaan oleh ahli-ahli KAKEP.

### **3.5 JK Kecil Sukan.**

#### **a. Bola sepak**

Menyertai Kejohanan bolasepak Liga KLFA 2007 Divisyen 2. Kejohanan ini disertai oleh 26 pasukan disekitar Bandaraya Kuala Lumpur. KAKEP telah menunjukkan prestasi yang baik dimana berjaya memasuki peringkat separuh akhir. Pasukan KAKEP akan dinaikkan ke divisyen 1 Tahun 2008.

Menyertai Kejohanan Bola sepak 9 sebelah MAKSWIP 2007. Berjaya sehingga ke pusingan kedua.

Menyertai Kejohanan Bolasepak Futsal MAKSWIP 2007 yang berlangsung di Stadium Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 10,11,17 dan 18 Mac 2007. Keputusan perlawanan seperti berikut:

- Kalah kepada Kementerian Dalam Negeri 3-5
- Kalah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka 2-3

Menganjurkan Kejohanan Bolasepak Futsal Wanita Tertutup pada 7 Julai 2007 di Gelanggang Futsal Sport

Seven, Wangsa Maju. Sebanyak 9 pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Juara dimenangi oleh Pasukan Baksau dan naib juara pasukan Golden Roses.

Menganjurkan kejohanan Bola Sepak 9 sebelah Tertutup KAKEP. Kejohanan berlangsung di Stadium Mindef, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Johan dimenangi oleh Sebanyak 10 pasukan telah menyertai kejohanan tersebut. Johan dimenangi oleh Pasukan Batu B dan naib johan BPA.

Mengambil bahagian dalam Kejohanan MAKSWIP pada 22 hingga 23 Julai 2006 di INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Pasukan Lelaki berjaya ke peringkat suku akhir manakala wanita peringkat separuh akhir.

**b. Boling**

Menyertai Kejohanan Boling Liga Shah Alam di Plaza Alam Sentral, Shah Alam, Selangor. Kejohanan disertai oleh 16 pasukan yang berada disekitar Lembah Kelang. KAKEP menghantar 8 peserta (7 lelaki dan 1 wanita). Mendapat tempat ke -12 daripada 16 pasukan yang mengambil bahagian.

Menyertai Boling MAKSWIP di ARL Super Bowl, Alamanda Kompleks, Putrajaya pada 20 hingga 22 Julai 2007. Menghantar 13 peserta (8 lelaki dan 4 wanita). Berpasukan mendapat tempat ke -10 manakala individu mendapat tempat ke -20 dan 37.

**c. Badminton**

Menyertai kejohanan Badminton MAKSWIP di Dewan Komuniti, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Berpasukan lelaki sehingga peringkat separuh akhir dan individu lelaki veteran naib juara.

**d. Bola jaring**

Menyertai Kejohanan Bola jaring MAKSWIP pada 25 Mac 2007 di Pusat Sukan Universiti Malaya, Jalan Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Keputusan seperti berikut:

- Kalah kepada PPUM 10-1
- Kalah kepada LGM 10-2
- Seri dengan JPN 4-4
- Menang dengan KKM 7-1
- Kalah kepada MESCA 17-1

**e. Sukan Rakyat**

Telah dianjurkan oleh MAKSWIP pada 3 hingga 4 Mac 2007 di Rumah MAKSWIP, Jalan Persiaran Mahameru, Kuala Lumpur. KAKEP menghantar 4 orang pemain untuk pertandingan Menyumpit. Menjadi naib juara pertandingan menyumpit dimana Encik Kamaruddin Bin Bahran telah dipilih mewakili MAKSWIP ke Kejohanan MAKSAK di Seremban, Negeri Sembilan.

5 orang menyertai pertandingan Dam Aji dan berjaya hingga ke peringkat suku akhir.

6 orang menyertai permainan Congkak. Menjadi naib johan pertandingan congkak. Tiga pemain telah dipilih mewakili MAKSWIP ke MAKSAK iaitu Puan Marzina bt Harun, Cik Siti Azizah dan Encik Abdul Razak.

6 orang menyertai pertandingan Batu Seremban dan kalah di peringkat kumpulan.

**f. Karom**

Menyertai kejohanan Karom MAKSWIP pada 14 hingga 15 Jun 2007 di Dewan Risda, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Keputusan perlawanan seperti berikut:

- Menang dengan KESPO 3-0
- Kalah kepada UM 2-1
- Menang dengan JPJ 3-0
- Kalah kepada LGM 2-1

**g. Bola Tampar**

Menyertai kejohanan Bola tampar MAKSWIP pada 21 hingga 22 April 2007 di INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Pasukan lelaki dan wanita berjaya hingga ke peringkat suku akhir.

Menyertai Bola Tampar Pantai MAKSWIP di Kota Bharu, Kelantan pada 7 hingga 9 September 2007. Pasukan lelaki KAKEP A berjaya hingga ke suku akhir dan satu lagi KAKEP B ke separuh akhir manakala wanita ke peringkat pusingan pertama.

**h. Lawatan Integrasi**

Mengadakan lawatan integrasi ke Markas 4 Briged Kuantan dan mengadakan perlawanan pada 12 Mei 2007. Menyertai

3 perlawanan iaitu bolasepak, bola tampar dan badminton. Bola sepak menang 4-1, bola tampar menang 3-0 dan badminton kalah 3-2.

### **3.6 JK Kecil Penerbitan dan Publisiti.**

JKK ini telah membuat liputan segala aktiviti-aktiviti KAKEP dan di dalam proses mengemaskinikan segala aktiviti KAKEP melalui laman web KAKEP.

### **3.7 JK Kecil Kebudayaan dan Sosial**

- a. Pertandingan Karaoke telah diadakan pada 25 April 2007 jam 4.00 petang di Auditorium Wisma Pertahanan. Seramai 26 peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Johan dimenangi oleh Iskandar bin Jalil, dari Markas Tentera Darat dengan lagu Lamunan Terhenti, kedua Mohammad Isharuddin bin Ismail dari UGAT, Markas ATM dengan lagu Suci dan ketiga Suhairiza bt Sulaiman dari JRP, Markas ATM dengan lagu Si Baju Hijau.
- b. Pertandingan Kebudayaan telah diadakan pada 28 Mei 2007 jam 10.00 pagi di Auditorium Wisma Pertahanan. Sebanyak 4 kumpulan telah menyertai pertandingan tersebut. Johan dimenangi oleh Bahagian Kewangan dengan persembahan Drama Tari, kedua dari Sektor Menteri 1 dengan persembahan tarian dan ketiga dari Sektor Menteri 2 dengan persembahan drama tari.
- c. Lawatan ke Kilang Kulitkraf Sdn Bhd Petaling Jaya pada 6 Jun 2007 jam 9.30 pagi. Seramai 36 orang ahli telah mengikuti lawatan tersebut yang diketuai oleh Puan Wan Aishah bt Andak, Pengerusi JK Kecil Kebudayaan dan Sosial. Semua peserta menaiki bas Kementerian. Lawatan selesai jam 2.30 petang.

### **3.8 Jamuan Hari Raya Dan Deepavali Bersama Kementerian.**

KAKEP telah mengadakan Sambutan Hari Raya dan Deepavali bersama Kementerian di Tempat Parkir, Wisma Pertahanan pada 5 November 2007. Majlis ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli-ahli dan warga Kementah. KAKEP telah menaja persembahan kebudayaan.

#### **4. LAPORAN KEWANGAN**

Laporan Kewangan adalah seperti yang dibentangkan oleh Bendahari Kehormat KAKEP di dalam Penyata Penerimaan dan Pembayaran Kelab bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2007. Ahli-ahli dijemput meneliti dan seterusnya meluluskan Laporan Kewangan ini semasa Mesyuarat Agung kali ke-28 KAKEP.

#### **5. PENUTUP**

Saya bagi pihak Jawatankuasa Kerja KAKEP tahun 2007 mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa Kecil ,pengurus-pengurus aktiviti dan semua ahli-ahli yang telah berusaha bertungkus lumus bagi memastikan kejayaan di dalam penganjuran aktiviti KAKEP. Saya berharap sokongan dan kerjasama sedemikian akan terus dikekalkan bagi kepentingan dan kebajikan ahli-ahli KAKEP semua. Jawatankuasa Kerja juga ingin mengambil kesempatan memohon maaf di atas segala apa jua kelemahan dan kekurangan semasa melaksanakan aktiviti-aktiviti KAKEP. Segala teguran dan cadangan dari ahli-ahli amatlah diharap dan dialu-alukan demi kebaikan semua.

Sekian.

**“BERSATU TEGUH”**

Setiausaha Agung  
Kelab Kakitangan Awam  
Kementerian Pertahanan (KAKEP)